



**AMANAT
YB TUAN LIM GUAN ENG
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA
SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.1/2020**

**10 Januari 2020 (Jumaat)
Dewan Utama
Kompleks Kementerian Kewangan Putrajaya**

Terima Kasih Pengacara Majlis

YB Dato' Wira Haji Amiruddin Haji Hamzah
Timbalan Menteri Kewangan Malaysia

YBhg. Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

YBhg. Dato' Asri Hamidon
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)

YBhg. Dato' Othman Semail
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)

YBrs. Puan Zakiah Jaafar
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi

Datuk Seri/Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan yang saya hormati sekalian

Selamat Sejahtera, dan Salam Harapan

MUKADIMAH

1. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga Kementerian Kewangan yang hadir pada pagi ini dalam majlis perhimpunan bulanan untuk kali pertama pada tahun 2020. Izinkan saya mulakan ucapan saya dengan serangkap pantun:

Seri murni hiasan tamu,
Indah mekar tepian muara;
Hari ini kita bertemu,
Moga kekal menjalin mesra.

PENCAPAIAN TAHUN 2019

2. Saya ingin mengambil peluang ini untuk melancarkan sebuah kad laporan tentang pencapaian Kementerian Kewangan dalam menjaga kebajikan dan meningkatkan lagi mutu hidup rakyat Malaysia. Ini adalah sebahagian daripada pembaharuan yang dilakukan oleh Kementerian kita yang selaras dengan prinsip Competency, Accountability dan Transparency (CAT). Pencapaian ini perlu disebarluaskan secara meluas bagi membantu rakyat memahami akan segala usaha murni Kerajaan untuk menjadi Malaysia sebagai sebuah negara maju yang bermaruah dan disegani dunia.

3. Kerajaan telah berjaya melakukan pelbagai pembaharuan dalam masa yang singkat. Antara pencapaian yang boleh dibanggakan pada tahun 2019 ialah:

i. Pelaksanaan Reformasi Institusi

Kerajaan komited meningkatkan kebertanggungjawaban dalam pengurusan kewangan bagi memastikan kestabilan makroekonomi dan kemampanan pertumbuhan ekonomi melalui beberapa pembaharuan institusi seperti:

- Migrasi dari perakaunan asas tunai kepada asas akrual;
- Pelaksanaan perolehan secara Tender Terbuka;
- Mentransformasikan Malaysia daripada sebuah negara kleptokrasi kepada sebuah negara demokrasi.

Pembaharuan ini dijangka dapat mengurangkan risiko pendedahan hutang untuk tempoh 20 tahun akan datang.

ii. Merasionalisasi Hutang dan Liabiliti

Kerajaan telah berjaya mengurangkan nisbah hutang dan liabiliti daripada 79.3 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2017 kepada 77.1 peratus pada akhir-Jun 2019. Kerajaan komited untuk mengurangkan nisbah tersebut sambil terus melaporkan segala kedudukan hutang dan liabiliti yang komprehensif bagi meningkatkan pemantauan dan ketelusan di sektor awam.

iii. Konsolidasi fiskal

Kerajaan telah berjaya menurunkan defisit fiskalnya daripada 3.7% berbanding KDNK pada tahun 2018 kepada 3.4% untuk tahun 2019.

iv. Pengekalan Penarafan Kredit Malaysia

Tiga agensi penarafan kredit terbesar dunia iaitu Moody's, S&P dan Fitch Ratings telah mengekalkan penarafan kredit Malaysia pada taraf A- atau A3 dengan unjuran stabil atas faktor bahawa Kerajaan kini bersifat telus dalam pengurusan fiskal. Laporan-laporan positif daripada Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengenai kedudukan fiskal Kerajaan Malaysia mencatatkan kemajuan dalam agenda reformasi yang menyaksikan pertumbuhan ekonomi terus mampan, kadar inflasi terkawal serta terdapat lebihan dalam akaun semasa.

v. Urusan Menjalankan Perniagaan

Peningkatan kedudukan Malaysia dalam Indeks Menjalankan Perniagaan (Ease of Doing Business) serta kejayaan menjadi antara negara mengalami kenaikan terbesar dalam Penunjuk Tadbir Urus Sedunia yang terbaharu adalah perkembangan positif bagi penarafan kredit berdaulat Malaysia. Pembaharuan institusi membantu Malaysia meningkatkan kedudukannya dalam Indeks Menjalankan Perniagaan terbitan Bank Dunia kepada tempat ke-12 untuk tahun 2020 daripada tempat ke-15 untuk tahun 2019 daripada 190 negara. Malaysia antara negara yang mengalami peningkatan terbaik daripada 214 negara, seperti yang diiktiraf oleh Bank Dunia melalui Worldwide Governance Indicators (WGI).

vi. Malaysia Destinasi Pelaburan

Peningkatan jumlah stok pelaburan langsung asing (FDI) secara berterusan menunjukkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan antarabangsa, sewaktu dunia dilanda perang perdagangan. Dokumen Kedudukan Pelaburan Antarabangsa yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan jumlah FDI di Malaysia meningkat sebanyak 10.3 peratus kepada RM667.5 bilion dalam suku kedua 2019, daripada RM605.1 bilion tahun lalu.

vii. Memastikan Kesejahteraan Rakyat

- **Bantuan Sara Hidup (BSH)**

BSH merupakan salah satu program bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) untuk meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan terhadap golongan yang memerlukan, dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat. Pemberian BSH ini telah memanfaatkan 3.9 juta isi rumah dengan peruntukan kewangan sebanyak RM4.2 bilion.

- **Skim mySalam**

Skim Perlindungan Kesihatan Nasional B40 atau Skim mySalam merupakan inisiatif Kerajaan dalam memastikan kebajikan rakyat dijaga khususnya mereka yang amat memerlukan. Skim ini menyediakan pembayaran one-off sebanyak RM8,000 sekiranya mereka disahkan menghadapi salah satu daripada 45 penyakit kritikal yang disenaraikan dalam Skim mySalam seperti kanser, penyakit jantung, distrofi otot, Alzheimer, dan lain-lain. Skim ini juga menyediakan bayaran penggantian pendapatan terhad sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari, atau RM700 setiap tahun.

viii. Pelaksanaan SST

Pengenalan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dilaksanakan bertujuan mengurangkan beban rakyat. Rakyat menikmati pengurangan cukai sebanyak RM10 bilion selepas pemansuhan GST dengan kadar sifar 1 peratus berbanding 3.7 peratus sebelum ini. SST merupakan cukai yang lebih mesra perniagaan, kurang birokrasi dan dapat membantu pengurusan aliran tunai perniagaan. Sehingga Ogos 2019, Kementerian Kewangan membuat pembayaran balik sejumlah RM19.4 bilion GST dan cukai pendapatan.

ix. Bayaran Khas

Selain itu, Kerajaan telah membuat bayaran khas kepada 1.5 juta penjawat awam dan 1 juta pesara yang menelan perbelanjaan sebanyak RM1 bilion pada 18 Disember 2019. Bayaran ini merupakan penghargaan terhadap usaha dan komitmen penjawat awam dalam menjalankan tugas demi rakyat dan negara.

CABARAN TAHUN 2020

4. Malaysia mempunyai misi untuk menjadikan rangka kerja Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) sebagai panduan untuk merealisasikan perancangan nasional ini dalam tempoh 10 tahun akan datang.

5. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 kini menjadi sasaran baharu dalam memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang lebih maju. Oleh itu, marilah kita bersama-sama merencanakan paradigma baru; satu permulaan yang lebih segar dan bebas dari persepsi negatif.

6. Sebagai warga Kementerian Kewangan, kita perlu bersama-sama berganding bahu dalam memakmurkan Malaysia demi merealisasikan WKB2030 agar rakyat dapat menikmati taraf hidup yang berpatutan dengan pengurangan jurang ekonomi dalam kalangan rakyat menjelang 2030.

EKONOMI DIGITAL PEMACU MASA DEPAN NEGARA

7. Kerajaan amat serius untuk memacu ekonomi digital seperti yang telah diumumkan melalui Belanjawan 2020, kerana ianya bukan sahaja dapat merancakkan pertumbuhan ekonomi negara, malah ia berupaya bertindak sebagai faktor penarik kepada pelabur, pembinaan modal insan dan penyelidikan.

8. Salah satu langkah yang diambil ialah pengenalan insentif e-Tunai Rakyat sebanyak RM450 juta yang akan disalurkan melalui pengendali e-dompet terpilih untuk menggalakkan penggunaan bayaran nirtunai (cashless) dalam kalangan rakyat. Seperti yang kita ketahui, sistem bayaran nirtunai ini bukan sahaja lebih efisien, tetapi ia juga dapat membantu mengurangkan kejadian pengelakan cukai.

9. Kerajaan turut akan membangunkan infrastruktur yang diperlukan untuk membentuk Digital Malaysia melalui kerjasama awam swasta melibatkan pelaburan sebanyak RM21.6 bilion dan kerajaan akan membiayai sekurang-kurangnya separuh daripada kos keseluruhan.

10. SKerajaan juga akan memperkenalkan Geran Pembangunan Ekosistem 5G bernilai RM50 juta dalam usaha menggalakkan pembangunan teknologi oleh syarikat bagi menghadapi gelombang perubahan 5G di seluruh dunia.

11. Bagi merancakkan pertumbuhan e-dagang, kerajaan memperuntukkan RM20 juta kepada Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) untuk mengembangkan jaguh tempatan dalam mewujudkan kandungan digital seperti e-Permainan, animasi dan seni digital.

12. Kerajaan turut bercadang untuk menubuhkan 14 Pusat Peningkatan Digital Sehati di semua negeri bagi memudahkan akses kepada pembiayaan dan pembangunan kapasiti perniagaan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan peruntukkan sebanyak RM70 juta.

MEMBINA MASYARAKAT DIGITAL

13. Pengenalan konsep Tanggungjawab Sosial Digital (DSR) yang diperkenalkan oleh Kerajaan adalah usaha untuk menggalakkan kerjasama antara pihak kerajaan dan swasta. DSR adalah komitmen oleh sektor perniagaan untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja masa depan dengan kemahiran digital untuk masyarakat yang memerlukan. Sumbangan sektor swasta dalam aktiviti DSR ini akan diberi potongan cukai.

14. Transformasi Malaysia kepada Ekonomi Digital hanya boleh direalisasikan sekiranya rakyat mengamalkan budaya digital dan mengambil bahagian dalam urus niaga digital menjurus ke arah masyarakat tanpa tunai.

PENUTUP

15. Akhir kata saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga Kementerian Kewangan selaku pelaksana segala dasar-dasar Kerajaan bagi memastikan segala objektif dan matlamat kementerian dapat dicapai dengan jayanya dan Selamat Tahun Baru!

Sekian, terima kasih.

.....